

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MAC 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Anak penjual nasi lemak rangkul Anugerah Tertinggi	Bernamea.com
2.	PRK Kajang: Ramal diramal cerah pagi esok	Bernamea.com
3.	Malaysia alami fenomena ekuinoks pada 29 Mac dan 15 Sept	Bernamea.com
4.	Angin kencang, laut bergelora berterusan hingga Khamis	Bernamea.com
5.	Gempa bumi kuat landa kepulauan Nicobar di India	Bernamea.com
6.	'Debris could have drifted 242km'	New Straits Times
7.	100 produk ke pasaran antarabangsa	Utusan Malaysia
8.	Angkasa, Sirim bekerjasama tingkatkan kualiti produl koperasi	Bernamea.com
9.	Fenomena hari tanpa bayang 29 Mac	Utusan Malaysia
10.	ATSB now studying images	New Straits Times



Anak Penjual Nasi Lemak Rangkul Anugerah Tertinggi

MELAKA, 22 Mac (Bernama) -- Anak seorang penjual nasi lemak, Amirul Izwan Ayub dari Sungai Buloh, Selangor, berjaya merangkul Anugerah Pengarah Politeknik pada majlis konvokesyen Politeknik Melaka ke-13 di sini hari ini.

Namun kejayaan itu tidak dapat dikongsi bersama ibunya, Zanah Siron, 60, yang kini dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di Fakulti Perubatan UiTM Kampus Sungai Buloh akibat sakit jantung.

Anak muda berusia 22 tahun itu berkata hanya abangnya berkongsi kejayaannya pada majlis tersebut selepas bapanya terpaksa menjaga ibunya.

"Ibu menjual nasi lemak di kawasan perumahan kami sejak saya berumur setahun dan hasil jualan tersebut itu digunakan untuk menampung persekolahan saya sehingga ke tahap ini," kata graduan diploma Perniagaan Antarabangsa itu.

Amirul berkata ibunya menjadi sumber inspirasi bagi dirinya untuk berjaya dalam bidang pelajaran dan seterusnya bercita-cita mahu menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya.

Beliau kini melanjutkan pelajaran dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan di UiTM Merbuk, Kedah.

Seramai 482 pelajar pelbagai jurusan menerima diploma masing-masing pada majlis yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

-- BERNAMA



PRK Kajang: Ramal Diramal Cerah Pagi Esok

KAJANG, 22 Mac (Bernama) -- Cuaca di sekitar Kajang pada hari pengundian pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri kawasan itu esok diramal cerah di sebelah pagi dengan suhu sekitar 32 darjah celsius.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail berkata bagaimanapun, hujan renyai-renyai diramal pada sebelah petang.

"Jika hujan pada sebelah petang, suhu diramal mencecah 25 darjah celsius, " katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

PRK Kajang diadakan selepas Anggota Dewan Undangan Negeri Kajang Lee Chin Cheh daripada PKR meletak jawatan pada 27 Jan lepas. Dua calon wanita, iaitu Datin Paduka Chew Mei Fun yang mewakili Barisan Nasional bakal berdepan Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Esok, 38,081 pemilih biasa akan menentukan nasib calon yang bertanding, selepas 88.39 peratus atau 1,050 orang daripada 1,197 pengundi awal di kawasan itu menunaikan tanggungjawab masing-masing pada Rabu.

-- BERNAMA



Malaysia Alami Fenomena Ekuinoks pada 29 Mac dan 15 Sept

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Fenomena ekuinoks yang dijadual berlaku di Malaysia pada 29 Mac dan 15 Sept in tidak membawa kepada perubahan suhu yang mendadak di negara ini, kata **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail.**

"Mungkin ada peningkatan suhu sebanyak satu atau dua darjah celsius pada hari berlakunya ekuinoks, namun ini masih normal dan tidak memberi kesan besar secara keseluruhannya," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Fenomena ekuinoks dijangka berlaku pada 1.20 tengah hari (29 Mac) dan 1.10 tengah hari (15 Sept) apabila matahari berada tepat di atas kepala pada waktu tengah hari.

"Ekuinoks tak beri kesan yang besar terhadap suhu ketika fenomena kerana perubahan suhu banyak dipengaruhi oleh pergerakan angin, hujan dan beberapa faktor lain, katanya.

Sementara sebanyak 28 kawasan di seluruh negara mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana, manakala 24 kawasan merekodkan bacaan baik sehingga tengah hari Sabtu.

Menurut laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) setakat 1 tengah hari ini, antara kawasan catat IPU sederhana ialah Muar dengan bacaan 58; Alor Setar (63); Langkawi (66); Bandaraya Melaka (53); Port Dickson (87); Perai (77); Miri (57); Pelabuhan Klang (60); Petaling Jaya (55); Shah Alam (70); dan Putrajaya (59).

Antara kawasan catat IPU baik pula ialah Kota Tinggi dengan bacaan 31, Larkin Lama (42), Jerantut (37) dan Kuala Terengganu (24).

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 ke 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas sebagai bahaya.

-- BERNAMA



Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Hingga Khamis

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Bintulu, Mukah dan Rejang di Sarawak diramalkan bermula Ahad sehingga Khamis ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, keadaan angin dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Menurut kenyataan itu lagi, angin kencang dan laut bergelora turut diramalkan di kawasan perairan Tioman, Reef South dan Samui.

Selain itu, angin kencang dan laut bergelora kategori kedua yang berlaku di kawasan Sabah (Pantai Barat, Kudat dan Sandakan), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak (Miri) dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang antara 50 hingga 60 kmsj serta ombak setinggi 4.5 meter dan berbahaya kepada aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 22 MAC 2014 (SABTU)



Gempa Bumi Kuat Landa Kepulauan Nicobar Di India

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.3 pada skala Richter melanda Kepulauan Nicobar di India pada 9.41 malam ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini pusat gempa itu terletak 111km di timur laut Great Nicobar di India dan 627km di barat laut Langkawi, Kedah.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami kepada Malaysia, kata jabatan itu dalam kenyataan di sini.

-- BERNAMA

'Debris could have drifted 242km'

EXPERTS' OPINION:

This means they could have originated from the same distance

**FARRAH NAZ KARIM
 AND ALIZA SHAH**
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

If the 24m-long debris turns out to be from the missing Malaysia Airlines flight MH370, it could have drifted up to 242km in the last 14 days to the waters off southwest of Perth, Australia, where it was spotted by a surveillance satellite.

Experts told the *New Straits Times* yesterday that the images obtained by the Australian Geospatial-Intelligence Organisation showed they were within the "Indian Ocean gyre" (a large system of rotating ocean currents) and that the objects would have, at the furthest, originated from about the same distance.

This suggested finding by the experts, following their analysis of tidal and current charts and their working backward, is to see if indeed the debris was from the im-



pact zone of the aircraft. The area in which the debris was found was well within the maximum range of the jetliner based on the fuel load it was carrying.


It was reported that the satellite imagery was taken last Sunday and the information was released on Thursday.

Dynamic meteorologist Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah of Universiti Malaya, who is an expert in fluid dynamic of water and air, said the debris, which was found at a latitude of between 40 and 50 degrees, would have moved at a speed of 20cm per second.

"Had the objects been drifting from a 20-degree latitude, it would have moved at a rate of two centimetres per second," he said, adding that the difference in the current's speed was because of the stronger wind conditions in the lower, southern part of the ocean.

He said the currents that swept

MH370: The current status



through the search area marked out of the 68.5 million sq km Indian Ocean, moved westerly from Sumatra to Madagascar, Africa, Australia and back to Sumatra.

At least four long-range maritime patrol aircraft were dispatched to the area on Thursday, about 2,500km southwest of Perth, but the search was hampered by bad weather condition.

The remote area, where the two objects — the second measuring about 5m — were spotted, is also where the Indian Ocean garbage patch is located. It is a gyre of suspended marine litter.

The overall length of the Boeing 777-200ER jetliner, which was carrying 227 passengers and a crew of 12, is 63.7m, with a wingspan of

60.9m.

Azizan said if the objects were indeed from the plane and had been floating for 14 days, it would likely continue to float as the objects would have "pockets" of air.

The satellite images of the debris had raised hopes that investigators could narrow down the search area, which had been said to be akin to looking for a needle in a haystack.

Meanwhile, the Malaysian Meteorological Department central forecast division director Muhammad Helmi Abdullah said the ocean tides at the area were strong and dangerous for those scouring the area.

"The area is treacherous. The waves are between 4m and 8m high

and wind speed is between 40kph and 50kph," he said, adding that the wind blew from the southwest to the northeast, towards Perth and Sumatra.

An official in the investigating team said the search for the debris could also be a long-haul one.

"We have to trust Australia. They have the capabilities needed for a search of this kind and magnitude.

"On the issue of which country actually missed the plane as it passed through their primary radar as it left its last confirmed location (northwest of Penang), it could have simply been out of radar coverage for various reasons," the official said. **Additional reporting by Tasnim Lokman**



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 22 MAC 2014 (SABTU)

Angkasa yakin sasaran dibuat mampu perkasa gerakan koperasi ke tahap lebih tinggi
100 produk ke pasaran antarabangsa



ABDUL Fattah Abdullah (dua dari kanan) bersalaman dengan Zainal Abidin Mohd. Yusof (dua dari kiri) selepas menandatangani MoU antara Angkasa dan Sirim di Kelana Jaya semalam. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN

Oleh SUFIAN HADI MOHD. SOJAK
pengarang@utusan.com.my

PETALING JAYA 21 Mac - Angkatan Koperasi kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan sebanyak 100 produk keluarannya dipasarkan ke peringkat antarabangsa menjelang 2015.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, antara produk yang dikenal pasti untuk dikembangkan pasarannya ialah makanan, minuman, kraf tangan dan penjagaan kesihatan yang mampu menandingi produk-produk sedia ada dalam pasaran.

Tambahnya, Angkasa yakin sasaran tersebut mampu dicapai setelah mendapat kerjasama baik daripada Sirim Berhad yang komited memperkasakan gerakan koperasi tempatan ke tahap yang lebih tinggi.

“Pemilihan Sirim Berhad untuk

 **Pemilihan Sirim Berhad untuk kerjasama ini adalah berdasarkan kredibiliti dan kemampuan mereka dalam membangunkan dan menaik taraf setiap produk keluaran koperasi**

DATUK ABDUL FATTAH ABDULLAH
Presiden Angkasa

kerjasama ini adalah berdasarkan kredibiliti dan kemampuan mereka dalam membangunkan dan menaik taraf setiap produk keluaran

operasi.
“Lebih-lebih lagi hasil yang dibangunkan Sirim Berhad amat diyakini dan diiktiraf oleh masyarakat,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani

ni perjanjian persefahaman (MoU) antara Angkasa dan Sirim Berhad di Kelana Jaya hari ini.

Dalam majlis itu, Abdul Fattah mewakili Angkasa manakala Sirim Berhad diwakili Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Majlis tersebut disaksikan Naib Presiden Angkasa, Prof. Madya Datuk Mohamad Ali Hasan dan Naib Presiden Sirim Berhad, Azim Ng Abdullah.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, menerusi kerjasama tersebut pihaknya berharap akan membuka lebih banyak peluang dan ruang bagi memajukan kedua-dua organisasi terbabit.

“Di samping itu, kerjasama tersebut dapat membantu usaha kerajaan meningkatkan ekonomi perniagaan kecil sekali gus menyumbang ke arah negara berpendapatan tinggi,” katanya.



Angkasa, Sirim Bekerjasama Tingkatkan Kualiti Produk Koperasi

PETALING JAYA, 21 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Sirim Berhad menjalinkan kerjasama untuk meningkatkan kualiti produk koperasi bagi mendapat pengiktirafan di dalam negara dan di persada antarabangsa.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata inisiatif itu, yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Keusahawanan Koperasi, bertujuan mewujudkan dan menyatukan produk keluaran anggota-anggota koperasi sebagai jenama 'home brand'.

Produk ini dapat dibawa ke seluruh negara dan antarabangsa bagi tujuan promosi dan pemasaran serta dapat meningkatkan pendapatan negara kasar, katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Angkasa dan **Sirim Berhad** di Kelana Jaya di sini, Jumaat.

Abdul Fattah mewakili Angkasa menandatangani MoU itu manakala **Sirim Berhad diwakili Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Dr Zainal Abidin Mohd Yusof**.

MoU itu membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam penyelidikan, pembangunan dan sokongan dalam meningkatkan kualiti produk koperasi melalui penjenamaan, perlabelan dan pembungkusan.

Abdul Fattah berkata pihaknya menyasarkan 100 koperasi yang layak terlibat dalam pembangunan produk bersama Sirim Berhad dalam tempoh dua tahun sehingga 2015.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata Sirim Berhad bekerjasama dengan Angkasa sejak Oktober lepas dengan memberikan taklimat kesedaran dan pemilihan usahawan koperasi pengeluar makanan dan minuman.

"Melalui memorandum persefahaman ini, Sirim akan membantu meningkatkan kualiti produk koperasi dengan memperkukuh keupayaan dan peningkatan jualan serta pendapatan koperasi melalui program latihan pembangunan kualiti produk, pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, perkhidmatan teknikal serta program pemantauan," katanya.

Selain program peningkatan kualiti, katanya sesi padanan perniagaan dan aktiviti promosi akan dijalankan bagi memperkembangkan lagi rangkaian perniagaan serta laman web koperasi berkenaan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 22 MAC 2014 (SABTU)

Fenomena hari tanpa bayang 29 Mac

KUALA LUMPUR 21 Mac - Orang ramai di ibu kota berpeluang menyaksikan hari tanpa bayang pada kira-kira pukul 1.20 petang 29 Mac ini dan sekali lagi pada pukul 1.10 petang 15 September.

Penolong Pegawai Penerangan Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Asmidar Zainol berkata, fenomena itu berlaku akibat peredaran bumi mengelilingi matahari dengan kecondongan satah bumi pada sudut 23.5 darjah.

"Kita akan dapat melihat matahari berada tepat di atas kepala pada waktu tengah hari dan inilah menyebabkan bayang-bayang sendiri tidak dapat dilihat sekiranya berdiri di tengah panas di kawasan lapang.

"Kawasan-kawasan yang berada dalam latitud 23.5 darjah utara dan 23.5 darjah selatan akan mengalami fenomena tersebut, namun tarikh dan masanya adalah berbeza mengikut kedudukan lokasi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, di Pulau Langkawi pula, fenomena itu akan berlaku pada 6 April, kira-kira pukul 1.24 petang dan 6 September (1.20 petang).

ATSB now studying images

MONITORING:

Ministry asks agency to help with SAR efforts

KUALA LUMPUR

ASTRONAUTIC Technology Sdn Bhd (ATSB), under the Science, Technology and Innovation Ministry, is studying imagery obtained from international satellite recordings to look for Malaysia Airlines flight MH370, which went missing since March 8.

Its chief executive officer, Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad, said the ministry had directed ATSB to assist in the search mission for the plane via satellite imagery.

Since the aircraft disappeared, ATSB had been using imagery around South China Sea, which was obtained from satellites of several countries, and, later, images of the Andaman Sea.

Sabirin said the monitoring operation of satellite imagery was carried out with the assistance of satellites from Spain, England,

South Korea, Nigeria, Canada, United Arab Emirates and France to detect the plane.

Sabirin was speaking to Bernama after an interview with BernamaTV for the *Ruang Bicara* programme, telecast live here last night.

He said the detection of two objects in the southern Indian Ocean by Australia might be related to the search for flight MH370 and ATSB would be concentrating on the area from yesterday.

"Even though we did not obtain any imagery from the satellites earlier, we will continue to scour

for them."

Asked on the capability of a satellite to record imagery at night, Sabirin said there were two types of sensors used by satellites, namely optical sensor and

radar sensor.

"An optical sensor only record images during the day and in colour, but it can be blocked by clouds."

He said a radar sensor could be used during the day and night, regardless of the weather, as it had greater sensing power, while the chances of spotting anything was higher by combining the various assets in space, air and sea.

Bernama

